

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**KAWASAN : BANDAR KUCHING**

**SOALAN:**

**YB. TUAN CHONG CHIENG JEN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan maklumat terperinci mengenai semua projek infrastruktur yang melebihi RM10 juta yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2010, termasuk nama kontraktor yang dilantik, harga kontrak dan sama ada proses tender terbuka diguna pakai untuk pelantikan kontraktor.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tempoh RMKe-10 (2011 – 2015), Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan sebanyak 5,095 projek Kerajaan (melibatkan pelbagai kementerian) dengan nilai keseluruhan sebanyak RM31.105 bilion. Manakala untuk RMKe-11 pula (2016 – 2020), JKR setakat ini telah diamanahkan untuk melaksanakan 885 bilangan projek dengan kos projek keseluruhan sebanyak RM3.365 bilion.

Hampir 90% daripada jumlah keseluruhan projek JKR itu (RMKe-10 dan RMKe-11) ialah projek-projek yang melebihi harga kontrak RM10 juta. Sehubungan itu maklumat mengenai setiap kontrak JKR yang melebihi RM10 juta sebagaimana dimohon Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat dibekalkan kerana melibatkan kuantiti

dokumen yang rencam. Di samping itu maklumat dokumen juga adalah berstatus 'sulit' di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA) di mana ia tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak tanpa pengelasan semula atau kebenaran daripada Menteri.

Mengenai kaedah perolehan pula, berdasarkan program transformasi Kerajaan bagi meningkatkan ketelusan tadbir urus, bermula dari bulan Mei 2009 hingga kini didapati hampir tiada kontrak perolehan JKR yang dibuat secara rundingan terus, sebaliknya dibuat hanya melalui tender terbuka atau tender terhad.

Sekian. Terima kasih.